

P0000 26830

DARUL FATAH & CO.

Disediakan untuk :

MEDEC ITM Melaka

Disediakan oleh :

Hanim Hussin @ Abd Rafeq

Mohd Fadzli Abd. Rahman

Che Ku Suhaini C.K. Setia

Zawidatul Aida MAd Nor

Ahmad Kamal Zuber

Zerin Zakaria

DIA 5 A

Darul Fatah & Co.
Diploma Perakaunan
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka

25 Oktober 1996

Puan Hanim Norza Baba
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Puan

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk Kepada perkara di atas, kami dengan berbesar hati mengemukakan laporan Rancangan Perniagaan kami. Projek Rancangan Perniagaan yang ingin diusahakan oleh kami berbentuk sebuah kilang yang memproses mee kuning.

Tatacara, arahan-arahan dari prosedur seperti yang telah diarahkan disediakan dengan selengkapnya di dalam laporan ini.

Isi kandungan Rancangan Perniagaan ini termasuklah bahagian pemasaran, operasi, pentadbiran, kewangan dan lampiran.

Dengan ini , kami berharap hasil usaha kami selama ini mendapat keredhaan Allah s.w.t. serta dapat memuaskan hati puan, Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

DARUL FATAH
& CO

Yang benar

.....
(MOHD. FADZLI ABD. RAHMAN)

.....
(AHMAD KAMALZUBER)

.....
(HANIM BT. HUSSIN)

.....
(ZERIN ZAKARIA)

.....
(CHE KU SUHAINI BT. CHE KU SETIA)

.....
(ZAWIDATUL AIDA MAT NOR)

RINGKASAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Berikut adalah ringkasan daripada beberapa perkara penting yang terkandung dalam Rancangan Perniagaan ini.

1. Nama perniagaan bagi Rancangan Perniagaan ini adalah Darul Fatah & Co. dan akan beroperasi pada 1 Januari 2000.
2. Bidang kegiatan peniagaan yang diceburi adalah perusahaan memproses makanan iaitu mee kuning.
3. Darul Fatah & Co. adalah merupakan sebuah perniagaan berbentuk perkongsian. Oleh itu segala aktiviti perniagaan berlandaskan Akta Perkongsian 1961 (Pindaan 1994) serta perjanjian yang telah dibuat di antara rakan-rakan kongsi.
4. Modal yang diperlukan untuk penubuhan perkongsian ini adalah RM 120 000.
5. Lokasi perkongsian telah ditetapkan di : Km. 10, Taman Sri Krubong, Krubong Industrial Park, 75250 Tampoi, Melaka.
6. Bangunan yang akan digunakan sebagai pejabat dan kilang disewa daripada pemilik bangunan.
7. Darul Fatah & Co. akan terlibat dalam satu pasaran yang mempunyai ramai pesaing yang terdiri daripada peniaga kecil, sederhana dari kalangan bukan bumiputera. Oleh itu kami berkeyakinan bahawa pasaran dan permintaan untuk produk kami mempunyai prospek yang cukup baik terutamanya daripada kalangan bumiputera.

1. PENGENALAN

Darul Fatah & Co lahir daripada cetusan idea enam orang anak muda yang telah bersepakat untuk menubuhkan sebuah perkongsian . Memandangkan negara Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun , juga selaras dengan visi Perdana Menteri Malaysia untuk mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020 , kami rasa terpanggil untuk menubuhkan sebuah perniagaan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain untuk meningkatkan ekonomi kami sendiri khususnya dan negara amnya .

Darul Fatah & Co merupakan sebuah perkongsian yang menjalankan perusahaan mee kuning . Makanan ini merupakan makanan yang telah sedia popular di kalangan penduduk baik dari kaum bumiputera mahupun sebaliknya . Namun begitu , kami dapati masih belum ramai kaum bumiputera yang menceburkan diri dalam perusahaan pembuatan mee kuning ini . Selama ini perusahaan ini hanya dimonopoli oleh bangsa asing , terutamanya kaum Cina . Dengan itu , kami melihat ini adalah sebagai satu masalah dan dari sini , kami melihat ini sebagai satu peluang perniagaan yang baik walaupun kami sedar bahawa kami akan berhadapan dengan persaingan yang besar . Namun begitu , kami yakin dan akan cuba sedaya upaya untuk memecahkan monopoli ini dengan menetapkan matlamat dan juga strategi kami .

Perusahaan ini akan dijalankan di satu lokasi yang strategik iaitu di Krubong Industrial Park, Melaka dan akan memulakan operasi pada tahun 2000 .